

BN akan kerja dua kali ganda untuk menang di Kajang, kata Najib
Malaysian Insider
Feb 21, 2014
OLEH HASBULLAH AWANG CHIK

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak hari ini berkata Umno dan Barisan Nasional (BN) akan bekerja dua kali ganda membantu calonnya Datin Paduka Chew Mei Fun bertanding di Kajang menentang pemimpin tertinggi Pakatan Rakyat, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Kami akan menyokong dan mendoakan yang terbaik untuknya. Kami juga akan berusaha sebaik mungkin meskipun dianggap bukan calon pilihan.

"Namun BN akan berusaha lebih keras memastikan keputusan yang lebih baik," kata Najib dalam satu sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di Kuala Lumpur hari ini.

BN hari ini mengumumkan Chew sebagai calon bertanding dalam pilihan raya kecil Kajang pada 23 Mac ini.

Menurut Najib, meskipun dianggap 'underdog' di kerusi Kajang, usaha gigih BN akan dapat memastikan keputusan yang lebih baik dicapai.

Presiden Umno itu turut mengumumkan laporan jawatankuasa disiplin parti memecat lima ahlinya yang melakukan sabotaj semasa pilihan raya umum lalu, iaitu empat daripada bahagian dan satu daripada cawangan.

Katanya, rayuan dibenarkan tetapi mempunyai tempoh tertentu dan mereka yang dipecat telah dimaklumkan berhubung perkara berkenaan.

"Ada yang menjadi penceramah dan sebagainya yang telah diteliti oleh lembaga disiplin, namun mereka yang bertanding (dalam pilihan raya) tidak dibenar membuat rayuan.

"Mereka yang terlibat adalah Baharim Abdullah dari Kuala Pilah, Abdul Muhsin Sharif dari Tasek Gelugor, Mohd Amri Che Aat dari Tasek Gelugor, Hasan Bahari Mat Isa dari Jempol dan Zulkifli Zakaria dari Bachok," katanya.

Najib (gambar) berkata pendirian parti jelas sebagaimana yang pernah disebutkan dalam Perhimpunan Agung Umno yang lepas bahawa ia berpegang teguh kepada akidah dan prinsip Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASJ).

"Justeru sebarang kefahaman atau ideologi yang bertentangan dengan ASJ ditolak sama sekali termasuk usaha perlekeh dan remehkan hadis Nabi Muhammad yang merupakan hukum sumber syariah kedua tertinggi selepas Al-Quran and sejajar prinsip ASJ," katanya.

Berhubung isu krisis air yang sedang melanda negara, Najib berkata kerajaan sedang memantau situasi semasa dan perkembangan selanjutnya akan dimaklumkan kelak.

Katanya, kerajaan bersedia untuk melakukan pembenihan awan sekiranya berdepan dengan situasi yang mengizinkan seperti kewujudan awan yang sesuai.

“Dari segi kerohanian, kita buat solat hajat seperti mana hari ini semua masjid lakukan hari ini. Kita sarankan secara sukarela penjimatan air. Kalau tak perlu, kurangkan,” katanya.

Najib berkata Kabinet akan membincangkan isu itu dengan lebih lanjut pada Rabu ini dan darurat krisis air hanya akan diumumkan jika paras air sampai ke tahap kritikal

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bn-kerja-dua-kali-ganda-menang-di-kajang-kata-najib>